

BAB KETIGA
PENGENALAN
KITAB ILMU PERUBATAN MS 33

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

BAB KETIGA

PENGENALAN KITAB ILMU PERUBATAN MS 33

3.1 Pengenalan

Pemilihan manuskrip Kitab Ilmu Perubatan MS 33 ini adalah berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan di mana pengkaji mendapati kajian mengenai tumbuhan herba orang Melayu diperlukan di peringkat kajian makmal yang mana ia dapat memberikan sumbangan signifikan sebagai bukti bahawa khazanah ilmu ini masih relevan dan setanding dengan bidang-bidang lain. Faktor tarikan ini membawa pengkaji menjejak sumber berkaitan manuskrip ini yang mana pengkaji mendapatkan manuskrip MS 33 daripada Dewan Bahasa dan Pustaka serta merujuk daripada naskhah *Pdf* yang dilayari dari laman *mymanuskrip* Universiti Malaya. Hal ini kerana, naskhah manuskrip MS 33 yang terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan salinan asal, telah digitalkan dan dipaparkan di laman *my.manuskrip*. Nampaknya MS 33 ini hanya mempunyai salinan tunggal sahaja ataupun dikenali sebagai *codex unicus*.²⁰⁵

²⁰⁵ Al-Munajjid ada memberikan garis panduan terhadap cara-cara menjalankan proses pemurnian atau transliterasi manuskrip (*tahkik*) yang mempunyai salinan tunggal dan salinan yang banyak. Beliau memutuskan bahawa jika sesuatu karya mempunyai banyak salinan manuskrip, penerbitannya memerlukan usaha membandingkan kesemua salinan tersebut. Sebaliknya jika hanya satu naskhah yang ada, maka keadaan ini sepatutnya diterima. Rujuk Salah al-Din al-Munajjid. 1982. *Qawaid Tahqiq al-Makhtutat*. Dar al-Kitab al-Jadid. Beirut. cet.6. 14. Lihat juga dalam Hayati Hussin. 2015. Kitab Ta'Mim Al-Manafi Bi Qiraat Al-Imam Nafi oleh Al-Tarmasiy: Tahkik Manuskrip. *Bab al-Usul*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 102.

Bab ini secara umumnya akan menjelaskan latar belakang manuskrip Kitab Ilmu Perubatan MS 33 di samping mengkaji latar struktur karya ini daripada aspek sejarah, deskripsi teks dan literasi teks. Skop perbincangan termasuk ciri-ciri penulisan manuskrip yang terdapat dalam kitab ini, analisa sistem ejaan jawi, liputan dari segi nama dan bentuk penyakit yang menggunakan herba daripada keluarga Zingiberaceae, kaedah rawatan dan penggunaan dan memperihalkan perubatan dari segi mitos dan tahyul yang disebut dalam manuskrip ini.

3.2 Deskripsi Manuskrip Ms 33

Deskripsi manuskrip MS 33 dilihat dari aspek format penulisan manuskrip iaitu jumlah folio, khat yang digunakan, bilangan perkataan, penyalinan manuskrip, jumlah naskhah salinan serta tempat, tarikh mula dan selesai mengarang.

3.2.1 Jumlah Folio

Manuskrip ini mempunyai 491 folio dan terdapat muka surat yang hilang iaitu folio 133a, 184b dan 185a. Dalam kajian transliterasi teks manuskrip ini, pengkaji mengkaji teks terpilih daripada folio 30b sehingga folio 150b yang banyak membincangkan tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae dalam merawat penyakit. Selain itu, pemilihan folio ini juga kerana bahagian ini terus menyatakan preskripsi dalam merawat penyakit yang menggunakan herba Zingiberaceae dan sangat sedikit penggunaan mantera dan perkataan yang tidak dapat dibaca.

3.2.2 Khat Yang Digunakan

Jenis tulisan yang digunakan ialah tulisan melayu jawi dalam bentuk khat nasakh dengan pengaruh riq'ah²⁰⁶. Pada keseluruhannya manuskrip ini masih dalam keadaan baik, segala hurufnya terang dan mudah dibaca, hanya ejaannya menggunakan ejaan cara lama yang perlu diamati dan dihalusi dengan teliti untuk memahami maksudnya, misalnya نير (nyor-kelapa) dan banyak lagi seumpamanya. Memandangkan bentuk tulisan yang ditulis dengan dakwat hitam dan boleh dibaca dengan jelas serta cantik dan tersusun kemas, maka tidak syak lagi bahawa orang yang menulis atau penyalinnya ialah seorang yang benar-benar pakar dalam tulisan Jawi dan Arab²⁰⁷.

3.2.3 Purata Perkataan Bagi Setiap Baris

Bilangan perkataan dalam manuskrip ini adalah berbeza-beza mengikut baris. Pengkaji mendapati perkataan bagi setiap baris ialah antara 13 hingga 17 patah perkataan. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati kebanyakan baris mengandungi 14 patah perkataan.

3.2.4 Purata Baris Bagi Setiap Folio

Bilangan baris bagi setiap folio adalah tetap iaitu 20 susunan baris yang mana ia ditulis kemas seakan-akan berada di atas garisan mistara. Saiz teks yang digunakan adalah 32 panjang kali 23 lebar (32 x 23 cm).


²⁰⁶ Ia merupakan sejenis khat berasal dari tulisan Arab asli dan melalui proses pengindahannya oleh Ali bin Muqlah dari kerajaan Abbasiyah (272-328H). Ia dinamakan nasakh kerana tulisan ini digunakan untuk menaskhahkan atau membukukan al-Quran serta pelbagai naskhah ilmiah yang lain sejak dari kurun pertama Hijrah lagi. Rujuk Seni Khat Nasakh callidesibn.blogspot.com diakses 14 Februari 2020.

²⁰⁷ A. Samad Ahmad. 1982. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. vii&viii.

3.2.5 Penyalin Manuskrip

Kitab Ilmu Perubatan ini disalin oleh Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang. Penulis asal manuskrip ini tidak dinyatakan namun asal kepunyaan kitab ini ialah kepunyaan Raja Besar Kelantan berdasarkan catatan kolofon pada bahagian akhir manuskrip MS 33²⁰⁸. Penulis tidak dapat mengenal pasti identiti penulis asal kerana penulis manuskrip MS 33 ini tidak menyatakan butiran peribadinya pada manuskrip tersebut. Walau bagaimanapun, manuskrip tersebut telah disalin semula oleh Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang. Penulis tidak menemui secara tepat data yang menyatakan MS 33 kepunyaan siapa diantara raja-raja besar Kelantan. Namun, penulis mengambil kira tempoh pemerintahan raja-raja dan waktu manuskrip ini disiap disalin. Berdasarkan bahagian akhir manuskrip ini, terdapat cap mohor kepunyaan Raja Kelantan. Raja besar Kelantan yang memerintah sekitar tahun 1872 ialah Sultan Muhammad II yang memerintah dari tahun 1837 sehingga 1886. Nama asal baginda ialah Long Senik Mulut Merah dari keturunan Long Tan bin Long Yunus. Pada folio di penghujung manuskrip ini tertulis:

Gambar 19: Kolofon MS 33



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

²⁰⁸ Zakiah Hanum. 2004. *Asal Usul Negeri-Negeri Malaysia*. Times Editions-Marshall Cavendish. 24. Lihat Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. 2011. *The Encyclopedia of Malaysia the Rulers of Malaysia*. Archipelago Press. V16.

“Telah selesailah hamba, fakir ilallahu taala, iaitu Muhammad Salleh ibni Ahmad Penambang, menyalin akan surat tib ubat ini, dalam negeri Kelantan, Darul Salam, di dalam Kota Raja, kepada bulan Syawal, tahun kepada Hijrah al-Nabi Muhammad Salallahu alaihi wassalam, tarikh Sanah 1288.”

Kenyataan penyalin ini juga antara faktor yang menarik pengkaji untuk meneliti manuskrip ini dan memandangkan kepada tarikh beliau selesai menyalinnya, iaitu sudah melebihi seratus tahun. Dalam manuskrip ini, tidaklah dinyatakan kali ke berapa manuskrip ini disalin dan sejak dari zaman bila manuskrip ini dimulai usaha untuk menulis segala jenis dan petua mengenai perubatan.

3.2.6 Jumlah Naskhah Salinan Manuskrip

Jumlah naskhah salinan manuskrip juga tidak disebut. Hanya satu naskhah yang dijumpai di Dewan Bahasa dan Pustaka Katalog MS 33 dan naskhah yang digitalkan dalam bentuk Pdf yang dilayari dari laman ‘mymanuskrip’ Perpustakaan Universiti Malaya. Tiada naskhah lain versi yang berbeza ditemui. Manuskrip ini merupakan naskhah tunggal yang mana ia dianggap sebagai naskhah asal yang dicatat oleh Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang.

3.2.7 Tempat, Tarikh Mula Dan Selesai Mengarang

Manuskrip ini berasal dari negeri Kelantan dan tamat ditulis pada bulan Syawal tahun 1288 Hijrah iaitu bersamaan tahun 1872 Masihi. Namun, tarikh bermula penulisan ini tidak

dinyatakan. Jadi, usia manuskrip Kitab Ilmu Perubatan MS 33 ini sudah berusia 154 tahun mengikut perkiraan hari dan bulan dalam kalendar hijri.

3.2.8 Tempat Repositori

Manuskrip MS 33 disimpan di bawah koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga sekarang. Selain itu, manuskrip ini juga boleh dicapai di laman sesawang *mymanuskrip* yang merupakan katalog digital Perpustakaan Universiti Malaya yang mana manuskrip ini telah digitalkan dalam format *Pdf* supaya khazanah ilmu ini tidak hilang ditelan zaman²⁰⁹.

3.2.9 Keadaan Fizikal

Secara keseluruhannya, fizikal manuskrip ini berada dalam keadaan baik dan lipatannya terikat dengan kulit yang berwarna merah. Manuskrip ini tidak mengandungi *watermark*. Manakala, dalam manuskrip ini, penggunaan bagi setiap folio adalah menggunakan nombor muka surat, dan terdapat juga sebahagian muka surat menggunakan sambungan ayat yang terletak di bawah muka surat. Manuskrip MS 33 ini juga mengandungi kelemahan-kelemahan seperti yang terdapat di kebanyakan bahan-bahan persuratan lama Melayu iaitu tidak mempunyai tanda baca dan perenggan, salah ejaan, tertinggal perkataan atau ayat berulang, beberapa folio yang tidak mengikut susunan yang betul seperti folio 83a dan folio 84b, muka surat teks yang hilang iaitu folio 133a, folio 184b dan folio 185a. Dalam manuskrip ini, kesilapan ejaan atau perkataan ini dibiarkan begitu sahaja tanpa diperbetulkan atau dipotong. Hal ini mungkin penyalinnya tidak mahu

²⁰⁹ Kandungan manuskrip secara menyeluruh ini boleh dilihat di MyManuskrip Digital Library of Malay Manuscripts dengan no ID 89167: <http://spcats.umlib.um.edu.my/mymanuskrip/details.asp?mid=89167>

naskhah yang disalinnya ini kelihatan comot, berserabut dan sebagainya yang boleh menyebabkan kurang nilai naskhah manuskrip itu²¹⁰.

3.3 Kandungan Kitab Ilmu Perubatan Ms 33

Umumnya, isi manuskrip ini mempunyai hubungan dengan warisan peninggalan nenek moyang dari segi perubatan. Kandungan manuskrip ini dipecahkan kepada beberapa tajuk besar iaitu perubatan rakyat Melayu, perubatan tradisional, perubatan, tradisi dan kepercayaan Melayu. Manuskrip ini juga membincangkan beberapa mantera dari kepercayaan agama Hindu yang mana hal ini tidak diterokai oleh penulis dengan lebih mendalam kerana ia tidak termasuk dalam fokus kajian. Dalam manuskrip ini di permulaan, ada menyenaraikan isi kandungan yang dibincangkan yang bermula dari Fasal 35 sehingga Fasal 147, manakala Fasal 1 hingga Fasal 34 merupakan folio yang hilang. Isi kandungannya membincangkan sebanyak 147 fasal tentang kaedah rawatan perubatan Melayu. Antara isi kandungannya boleh dilihat dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Isi Kandungan MS 33

Makrifat menjadi tabib	Mengetahui sebab jadi penyakit
Penyakit kepialu	Demam panas, bilasani, muntah darah
Balgham, lelah, sakit kepala	Penyakit restung, mata, telinga dan gigi
Batuk, esak, sakit leher	Senak hati, medu, pitam sembelit
Sakit pinggang dan penyakit perut	Penyakit karang dan kencing darah

²¹⁰ A. Samad Ahmad. 1982. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. vii&viii.

Bawasir, burut, untut, pencahar	Pelbagai penyakit angin
Penyakit lenguh lumpuh, barah	Penyakit kayap, puru, basal
Kedal, kurap, badam, risa, panau	Tasbih yunus, tawar racun, melecur, patah
Serba sedikit mengenai wanita	Seluruh, meroyan
Penyakit hidapan kanak-kanak	Penyakit jiwa
Ubat rambut melebatkan dan masalah	Ubat seruan
Ubat terkena syaitan dan membuang hantu	Sentak hati, ubat kelemoyar
Ubat makjun	Mantera dan pantang larang

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33²¹¹

3.3.1 Jenis-jenis Tumbuhan Herba dan Bahan Semula Jadi Yang Dijadikan Ubat-ubatan

Dalam manuskrip MS 33 ini tercatat lebih kurang 160 jenis herba yang digunakan dalam merawat penyakit. Penulis mencatatkan berbagai nama tumbuhan dan bahan-bahan semula jadi serta kegunaannya dalam penjagaan kesihatan dan perawatan penyakit. Antara jenis tumbuh-tumbuhan pula ialah halia, kunyit, bonglai, lada hitam, jintan hitam, daun sembur dara, cekur, lempoyang, daun sirih, buah pala, biji sawi, daun inai, daun saga, kulit mempelam (mangga), asam kandis, bawang putih dan sebagainya. Manakala, bahan semula jadi seperti tawas, kapur tohor (kapur sirih), susu kambing, telur ayam hitam (ayam selasih), minyak sapi, minyak bijan, cuka nawan (cuka nipah), gaharu²¹², cendana dan jemuju.

²¹¹ Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang. 1872. *Kitab Ilmu Perubatan MS 33*. Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka. iii-viii.

²¹² Gaharu yang digunakan ialah serbuk kayu yang diproses dari teras pokok gaharu. Serbuk dan kayu gaharu ini harum baunya dan sangat disukai oleh masyarakat Arab. Ia digunakan untuk menghasilkan bau yang harum dengan cara kayunya menghasilkan minyak wangi atau serbuk kayunya ditabur di atas bara api. Rujuk

Manusia yang biasa dengan persekitaran alam semula jadi, dapat mengenali dan membezakan segala jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh di makan, dengan tumbuh-tumbuhan yang mengandungi racun yang memudaratkan. Mereka memerhati dan mengambil tahu akan tumbuh-tumbuhan yang lazim dimakan oleh binatang-binatang peliharaan seperti kucing terutama apabila kelihatan binatang-binatang itu tidak sihat, maka mereka dapat pula pengetahuan mengenali jenis tumbuh-tumbuhan yang berkhasiat lalu disesuaikan dengan pengalaman mereka sendiri untuk dijadikan bahan-bahan perubatan²¹³. Ini menunjukkan manusia sejak zaman dahulu lagi mempunyai ilmu untuk mengubat, menyembuhkan berbagai penyakit dengan menggunakan bahan-bahan dari tumbuh-tumbuhan²¹⁴.

Dalam manuskrip ini juga terdapat penggunaan beberapa jenis haiwan dari bahagian tertentu yang dijadikan bahan ramuan ubat untuk mengubat penyakit-penyakit tertentu, bukanlah satu perkara luar biasa di bidang perubatan tradisional orang Melayu. Antara bahan-bahan yang digunakan dari binatang-binatang besar ialah hempedu harimau, hempedu sawa, gading gajah, geraham dan sumbu badak, tanduk rusa, kerbau dan lembu.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. 2012. *Panduan Penanaman Karas*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. 8.

²¹³ Khasiat beberapa jenis tumbuh-tumbuhan tertentu, yang pada mulanya hanya diketahui oleh kaum peribumi setempat itu, rupa-rupanya membawa rahmat kepada manusia di serata dunia, sama ada untuk menyembuhkan penyakit tertentu, ataupun digunakan dalam sesuatu bidang perubatan. Misalnya apiun yang diproses dari bunga poppy, menjadi bahan ubatan untuk mengubat beberapa jenis penyakit, dan tidak terkecuali digunakan dalam perubatan tradisional Melayu. Rujuk Abdul Ghani Hussain. 2015. *MSS 2999 Kitab Tib Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu*. Kepong: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. xvi.


²¹⁴A. Samad Ahmad. 1982. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. xv.

Selain itu, binatang-binatang kecil turut digunakan seperti hempedu kambing, hempedu, duri dan lemak landak, mepedal ayam, tulang sotong, sepi ketam, lintah, belut, cacing dan sebagainya²¹⁵.

3.3.2 Rawatan Penyakit

i. Ubat Kepialu (MS 33: Folio 30b)

Gambar 20: Teks MS 33 Folio 30b




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

“Bab ini ubat kepialu yang dibedakkan seluruh tubuhnya maka ambil pucuk ara sinai, bawang seulas dan cekur dan bonglai maka semburkan pada dahinya dan belikat lalu pada pinggangnya aflat.”

²¹⁵ A. Samad Ahmad. 1982. *Warisan Perubatan Melayu*. xiv.

ii. Ubat Muntah (MS 33: Folio 57a)

Gambar 21: Teks MS 33 Folio 57a




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

“Bab ini ubat hendak muntah, ambil daun halia, disemburkan pada lehernya dan pada dadanya afiat.”

iii. Ubat Balgham (MS 33: Folio 63a)

Gambar 22: Teks MS 33 Folio 63a



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

“Bab ubat balgham, maka ambil kulit parah dan kulit kedondong dan bonglai dan sekalian itu asah, bubuh pada tempat sakit itu afiat.”

3.3.3 Istilah yang biasa digunakan dalam proses pembuatan ubat:

- i. **Pilih**²¹⁶: “*Bab ini ubat pada peluh pada orang demam, maka ambil teras kayu di dalam air serba teras jangan pilih melainkan terus buat-buat dan rangas dan banji jangan sekalian itu asam dan cendana gaharu kemeyan, jelumkan pada sekalian tubuhnya mulut nescaya padam peluh itu.*” (MS 33: Folio 43a)
- ii. **Basuh**²¹⁷: “*Bab ubat demam yang panas atau kembung, ambil belerang, cendana, janggi, jaha kedua sudah itu ambil beras basuh tujuh kali, bubuh air tanak, ambil air didihnya maka ubat itu giling bubuh pada air didih itu, maka telan afiat.*” (MS 33: Folio 39a)
- iii. **Asah**²¹⁸: “*Bab ubat demam, ambil akar teja, jintan dan akar tebing ayu, maka asah minum 3 pagi afiat.*” (MS 33: Folio 39a)
- iv. **Hiris**²¹⁹: “*Bab ini ubat kepialu maka ambil pucuk ara sinai dan bawang merah seulas, bawang putih seulas dan cekur, bonglai sehiris, maka mamah semburkan pada dahinya dan belikat lalu pada punggungnya afiat*”. (MS 33: Folio 35a)
- v. **Kerat**²²⁰: “*Bab ubat kepialu dijaramkan dikepalanya beri sejuk ambil kerat, ramas dengan air jaramkan afiat.*” (MS 33: Folio 36b)

²¹⁶ Sesuatu bahan dipilih yang terbaik, menurut syarat tertentu, misalnya daun sirih yang bertemu urat, buah limau yang luruh sendiri, daun yang menghadap matahari jatuh dan sebagainya. Rujuk Harun Mat Piah. 2006. *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. 328-330.

²¹⁷ Bahan dibasuh, di' sucikan` dengan air bersih, ditus atau keringkan sebelum dihiris, direndam atau direbus. Rujuk ibid. 328-330.

²¹⁸ Bahan seperti akar putarwali, diasah di belakang pasu atau pinggan putih dengan cecair seperti air bermalam atau madu, diguna untuk mengubat sesuatu jenis penyakit. Rujuk ibid. 328-330.

²¹⁹ Bahan seperti halia, bonglai, bawang putih, dihiris halus sebelum dijemur, dimasak atau direbus. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁰ Bahan yang besar atau keras seperti akar kayu, kulit kayu dikerat dengan pisau atau parang kemudian direndam atau direbus. Rujuk ibid. 328-330.

- vi. **Ramas**²²¹: “Bab ini ubat mandi kepialu, ambil umbi rengkinang dan kulit sekanda tua daunnya dan daun lakum dan bonglai tiga hiris dan rengkinang itu tumbuk, ramas dengan air itu tiga hari mandikan dahulu afiat.” (MS 33: Folio 36b)
- vii. **Giling**²²²: “Bab ubat demam maka bengkak perut, ambil halia, lulut, remunggai dan tekarang dan akar bayam batu dan biji mesui, giling lumat-lumat, maka bubuh pada bengkak itu, tudung dengan dan jarak, maka barut dengan kain afiat”. (MS 33: Folio 40b)
- viii. **Diserbukkan**²²³: “Bab ubat seduang, maka ambil tuba limau dan halia bara sekalian itu, jemur kering-kering, maka kisar beri halus jadi serbuk maka hisab pada hidungnya afiat”. (MS 33: Folio 87a)
- ix. **Pipis**²²⁴: “Bab ubat restung, maka ambil daun tanjang tiga helai, bawang putih seulas, maka pipis bubuh minyak lenga, maka perahkan ke dalam hidungnya afiat.” (MS 33: Folio 92b)
- x. **Tumbuk**²²⁵: “Bab ini ubat demam kura, ambil daun bayu yang kering tumbuk ambil airnya, bubuh garam tiga buku, maka minum tiga pagi akibat.” (MS 33: Folio 51a)

²²¹ Bahan seperti daun-daun, diramas diambil airnya untuk diminum atau disapu di tempat sakit. Rujuk ibid. 328-330.

²²² Bahan digiling dengan batu penggiling untuk melumatkan dan ditampal di tempat sakit. Rujuk ibid. 328-330.

²²³ Dijadikan serbuk halus dengan ditumbuk dengan lesung batu atau digiling, bahan seperti jintan atau kulit kayu manis. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁴ Bahan dihancurkan dengan menumbuk dalam lesung batu atau digiling tetapi tidak lumat seperti sambal. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁵ Bahan dihancurkan dengan ditumbuk di dalam lesung batu atau lesung padi, lumat-lumat atau tidak begitu lumat. Rujuk ibid. 328-330.

- xi. **Campur**²²⁶: “Bab ubat demam, maka barup tubuhnya, maka ambil getah sudu-sudu, campur dengan air didih maka lumurkan aflat.” (MS 33: Folio 40b)
- xii. **Kacau/haru**²²⁷: “Bab ubat mata kabur, ambil daun paku rancak dan umbi nyor putih dan kayu manis cina dan kacau sekalian itu rebus airnya secupak, maka basahkan pada mata hisap kan pada hidungnya aflat.” (MS 33: Folio 102b)
- xiii. **Rendam**²²⁸: “Bab ubat seduang angin, maka ambil asam gelugur, maka rendam ambil airnya maka asah manjakani dengan air itu maka bubuh pada mata dan mukanya dan telinganya aflat.” (MS 33: Folio 88b)
- xiv. **Masak**²²⁹: “Bab ini ubat demam pagi dingin dan sakit tulang sendi, maka ambil nafal setengah tahlil suasa tengah tahlil, maka masak tengah tahlil, maka minum. Jikalau pekat, kental telan aflat.” (MS 33: Folio 43a)
- xv. **Tapis**²³⁰: “Bab ubat muntah, ambil air terung perat buahnya dan akar keduduk dan sunti halia dan jemuju, pipis lumat-lumat, tapis minum airnya tiga pagi aflat.” (MS 33: Folio 58b)
- xvi. **Rebus**²³¹: “Bab ini ubat kepialu maka ambil ditangaskan ambil daun lakum maka rebus pada periuk baharu maka tangaskan kaki tangan orang sakitnya itu aflat.” (MS 33: Folio 34b)

²²⁶ Seseuatu bahan yang telah ditumbak lumat, dicampur dengan bahan-bahan lain, digaul rata, direbus atau dimasak. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁷ Bahan digaul dengan dikacau atau diharu dengan sudu atau senduk, atau semasa merebus, supaya mesra atau sehati. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁸ Bahan direndam di dalam air, air biasa atau air lain, minyak lenga, minyak sapid an sebagainya sebelum digunakan untuk pengobatan penyakit. Rujuk ibid. 328-330.

²²⁹ Bahan seperti beras dimasak hingga menjadi nasi atau campuran pelbagai bahan dimasak, misalnya dalam membuat makjun atau jamu. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁰ Rujuk ibid. 328-330.

²³¹ Satu bahan atau campuran beberapa bahan direbus dengan air hingga susut menjadi separuh atau sepertiga. Rujuk ibid. 328-330.

- xvii. **Rendang**²³²: “*Bab ubat sakit telinga ambil bawang putih, maka rendang dengan minyak sudah maka bubuh pada telinganya afiat.*” (MS 33: Folio 105a)
- xviii. **Bakar/Tunu**²³³: “*Bab ubat kura, maka ambil tanduk lembu, maka tatkala datang bulan purnama, maka jangan berkata-kata, maka bakar telah jadi abu, maka bubuh air minum pada orang sakit itu tiga hari nescaya afiat.*” (MS 33: Folio 46b)
- xix. **Bembam**²³⁴: “*Bab ubat sakit kepala yang penyalu, maka ambil halba itu maka rendang, dan bonglai itu bembam, maka pipis lumat-lumat maka piliskan pada kepalanya afiat.*” (MS 33: Folio 74b)
- xx. **Jemur/Keringkan**²³⁵: “*Bab ubat seduang, maka ambil tuba limau dan halia bara sekalian itu, jemur kering-kering, maka kisar beri halus jadi serbuk maka hisab pada hidungnya afiat.*” (MS 33: Folio 87a)
- xxi. **Diperlumatkan**²³⁶: “*Bab ubat sakit telinga yang bernanah, maka ambil akar pinang maka tumbuk beri lumut-lumat sudah maka masukkan dengan minyak lenga, kautlah sudah maka sejukkan maka titikkan ke dalam telinganya afiat.*” (MS 33: Folio 105a)
- xxii. **Diembunkan**²³⁷: “*Bab ubat demam tiada kebah, maka ambil daun beringin dikait dengan serampang dan daun benang setokol dan mata kunyit hujung melukut, maka*

²³² Istilah lain bagi goreng, tetapi rendang mesti dengan minyak atau santan. Rujuk ibid. 328-330.

²³³ Bahan termasuk bahagian dari haiwan dibakar atau ditunu ke api, hingga masak atau hangus, abunya dicampur dengan bahan lain untuk digunakan dalam pengobatan. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁴ Membakar dalam abu, pasir atau tanah dengan api atau bara di atasnya, seperti ubi hingga masak atau empuk. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁵ Biasanya dijemur dalam panas matahari hingga kering atau selepas dibasuh, dibiarkan hingga kering. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁶ Dihancurkan dengan menumbuk atau menggiling. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁷ Bahan atau ramuan dibiarkan di luar rumah pada waktu malam, dibiarkan sepanjang malam hingga turun embun. Rujuk ibid. 328-330.

ramas embunkan pagi-pagi mandikan pada orang sakit itu aflat.” (MS 33: Folio 39a)

xxiii. **Gentel**²³⁸: “Bab ubat esak, ambil kedaki berat dua emas, kikis lumat-lumat akan airnya air madu, maka gentel telan tiga pagi aflat.” (MS 33: Folio 138b)

xxiv. **Udat**²³⁹: “Bab ubat esak, ambil arang jumandri berat seemas dan warangan berat dua sendiri dan tela terasi berat dua sendiri setinggi berat dua sendiri maka pudu semuanya itu perlumat maka diurut dua sendiri seperti mengudat ubat huru petangnya tujuh hari jangan garam setelah sudah mengudat ubat itu tujuh hari maka mandi air hangat maka berbedak daun kecubung aflat.” (MS 33: Folio 134b)

xxv. **Mantera**²⁴⁰: “Bab ini ubat kura, maka ambil bawang putih tujuh ulas, maka pacak dengan buluh tiga pagi, maka mantera tiga kali senafas inilah manteranya.....” (MS 33: Folio 50b)

xxvi. **Suratkan**²⁴¹: “Bab ini tanggal demam kura, disurat pada sirih bertemu urat, maka berikan ia makan, inilah rajahnya.....” (MS 33: Folio 47a)

²³⁸ Ramuan yang telah ditumbuk lumat-lumat, digentel seperti makjun, diletakkan di tempat yang selamat, digunakan apabila perlu. Rujuk ibid. 328-330.

²³⁹ Gentel, kelik; jadikan ramuan seperti rokok, kemudian udat, seperti mengudat tembakau. Rujuk ibid. 328-330.

²⁴⁰ Bahan seperti sirih, kunyit, bertih, air untuk penawar dan lain-lain dibacakan doa, jampi atau mantera sebelum atau semasa digunakan untuk pengubatan penyakit. Rujuk ibid. 328-330.

²⁴¹ Sesuatu bahan seperti daun sirih disuratkan isim atau ayat al-Quran, sebagai sebahagian daripada proses pembuatan ubat atau kaedah pengubatan penyakit; ayat al-Quran atau formula yang lain disuratkan pada pinggan putih, dihapuskan dengan air, kemudian air itu diminum atau disapukan pada tempat yang sakit. Rujuk ibid. 328-330.

3.3.4 Kaedah rawatan atau penguabatan :

- i. **Minum:** “*Bab ini ubat kepialu maka ambil akar kertu dan akar cekur manis dan isi kedondong dan akar jengkilan sekalian itu asah beri minum aflat.*” (MS 33: Folio 31a)
- ii. **Makan:** “*Bab ubat demam supaya jangan pahit mulutnya, maka asam gelugur maka rebus, maka buat berkumur akan airnya mulut, nasi pun boleh makan mulut pun sedap mujarab.*” (MS 33: Folio 37a)
- iii. **Bedak**²⁴²: “*Bab ini ubat kepialu kedalaman, maka ambil gadung, asam, kantan maka giling bedakkan pada seluruh tubuhnya nescaya aflat.*” (MS 33: Folio 30b)
- iv. **Pupuk**²⁴³: “*Bab ubat sakit kepala ngilu, ambil bawang tangkal dan mati rebung, maka pipis lumat-lumat, pupukkan pada dahinya aflat.*” (MS 33: Folio 82b)
- v. **Tampal/tempek**²⁴⁴: “*Bab ubat seduang bengkak pada pipi atau gigi, maka ambil daun palu itu, giling tampalkan akarnya, sugikan aflat.*” (MS 33: Folio 88b)
- vi. **Sapu/ratakan:** “*Bab ubat sakit kepala sebab otak sakit, maka ambil batu kawi dan sepang dan cuka menaun, jadikan airnya sudah itu maka asah beri likat, maka sapukan pada kepalanya aflat.*” (MS 33: Folio 74b)
- vii. **Barut**²⁴⁵: “*Bab ubat demam maka bengkak perut, ambil halia, lulut, remunggai dan tekarang dan akar bayam batu dan biji mesui, giling lumat-lumat, maka bubuh pada bengkak itu, tudung dengan dan jarak, maka barut dengan kain aflat.*” (MS 33: Folio 40b)

²⁴² Sapu dengan bedak; lumur. Rujuk ibid. 345.

²⁴³ Cara mengenakan ubat, tampal atau letakkan, biasanya pada ubun-ubun. Rujuk ibid. 352.

²⁴⁴ Cara penggunaan ubat. Rujuk ibid. 354.

²⁴⁵ Cara penguabatan, Rujuk ibid. 345.

- viii. **Kumur:** “*Bab ubat demam supaya jangan pahit mulutnya, maka asam gelugur maka rebus, maka buat berkumur akan airnya mulut, nasi pun boleh makan mulut pun sedap mujarab.*” (MS 33: Folio 37a)
- ix. **Sembur**²⁴⁶: “*Bab ini ubat kepialu maka ambil daun kerakap dan cekur dan bonglai dan ganti dan mesui dan sirih pinang maka mamah semburkan seluruh tubuh aflat.*” (MS 33: Folio 30b)
- x. **Mandi:** “*Bab ubat demam tiada kebah, maka ambil daun beringin dikait dengan serampang dan daun benang setokol dan mata kunyit hujung melukut, maka ramas embunkan pagi-pagi mandikan pada orang sakit itu aflat.*” (MS 33: Folio 39a)
- xi. **Berendam:** “*Bab ini tuju kura, maka mandi tengah hari berendam hingga pusat, maka kata dengan kata ini, maka pandang matahari dengan nazar, kita keringlah kura itu jika ditelaga pegang timba itu, beri terbok tangan, jangan belit siku, maka angkat naik hingga itulah atas kepala, maka gata dengan gata itu, maka jiruslah air itu mustajab.*” (MS 33: Folio 50b)
- xii. **Buang:** “*Bab ubat sakit kepala, maka ambil limau kerbau dan jintan hitam dan jintan putih maka limau kerbau itu buangkan kulitnya, sudah itu maka rebus semuanya itu maka embunkan sudah, maka jaramkan pada kepalanya itu aflat.*” (MS 33: Folio 73a)
- xiii. **Jelum:** “*Bab ini dibaca-baca itu quran kepada pinang tiga kapur maka beri makan berturut-turut maka kelubung dengan kain, beri berpeluh atau pada air pinang jelumkan demikian juga atau baca pada air beri minum.*” (MS 33: Folio 31a)

²⁴⁶ Cara menggunakan ubat-dimamah dengan air, air pinang, semburkan pada pesakit. Rujuk ibid. 354.

- xiv. **Jeram:** “*Bab ini ubat jaram kepialu ambil kulit juta-juta, asah, jeramkan afiat.*”
(MS 33: Folio 36b)
- xv. **Telan:** “*Bab ubat demam kura, ambil pisang kelat belah dua, maka rajah ini boleh kapur basyar kacang butir tiga gumpal telan tiga pagi afiat.*” (MS 33: Folio 50b)
- xvi. **Boreh**²⁴⁷: “*Bab ubat demam tiada kebah, maka ambil temu melayu dimelayu dan bonglai dan bawang merah seulas dan halba dan jintan putih secupak dan gagang sirih sejempit dan hempedu landak dan mesui, maka pipis lumat-lumat bubuh pada tempurung hangatkan dan nyor tiga hiris dan kelempanyang tiga hiris, maka pipis lumat-lumat, maka tuamkan boreh maka bubuhkan pada bubuhnya afiat.*” (MS 33: Folio 38b)
- xvii. **Balut:** “*Bab ubat pembantut demam, maka ambil akar pagan yang hitam taruknya dan jintannya hitam, maka semburkan pada kepalanya dan balut telinganya dan segenap sendinya afiat.*” (MS 33: Folio 43b)

3.3.5 Kaedah Sukatan, Ukuran Dan Timbangan²⁴⁸

- i. **Ulas; seulas, tiga ulas:** bawang putih, bawang merah.
- ii. **Biji; sebiji, tiga biji, lima biji, tujuh biji:** lada, telur ayam, buah kepayang, buah pala.
- iii. **Hiris; sehiris, tiga hiris:** halia, temu, bonglai, birah, lengkuas.
- iv. **Helai; sehelai, tiga helai:** hempedu tanah, daun selasih, sirih.

²⁴⁷ Sejenis bedak basah yang kuning warnanya. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

²⁴⁸ *ibid.* 326-327.

- v. **Jemput; sejemput, sejemput jari manis, tiga jemput jari telunjuk:** beras, garam, jintan hitam.
- vi. **Genggam; segenggam, segenggam erat:** beras, daun sena, cengkih.
- vii. **Pengapit; sepengapit:** herba, daun, akar.
- viii. **Cupak; secupak, tiga cupak:** daun limau, bawang putih, cuka menahun, kapas.
- ix. **Gantang; segantang, tiga gantang:** lada hitam, air, manisan.
- x. **Cawan; secawan, tiga cawan:** air manisan, halia, susu, daun gandarusa, santan, jintan.
- xi. **Mangkuk; semangkuk, tiga mangkuk:** manisan, air, madu lebah.
- xii. **Keping; keping, tiga keping:** asam gelugur, halia bara.
- xiii. **Buku; sebuku; tiga buku:** garam, kunyit.
- xiv. **Kupang; sekupang, tiga kupang (ukuran berat):** emas, perak, mutiara, celak, minyak sapi.
- xv. **Emas; seemas, dua emas:** lada sulah, adas, cabai, lengkuas, biji sawi.
- xvi. **Dirham; sedirham, tiga dirham:** minyak sapi, kumkuma.
- xvii. **Tahil; setahil, enam tahil:** cekur, cendana, minyak lenga, akar celaga.
- xviii. **Kati; sekati, tiga kati:** bawang putih, minyak sapi.
- xix. **Saga Kenderi; lima belas saga kenderi²⁴⁹:** rumput ekor tupai, cendana, halia.

²⁴⁹ Saga kenderi ialah sukatan emas, tetapi menurut teks ialah timbangan berdasarkan jumlah buah saga kenderi; iaitu sesuatu bahan, ubat atau ramuan sama beratnya dengan jumlah buah saga tersebut. Rujuk ibid. 327.

3.3.6 Sukatan Waktu²⁵⁰

- i. **Hari; sehari, tiga hari:** dijemur tujuh hari hingga kering, berselang tiga hari ubat dimakan tiga hari, minum pagi-pagi empat puluh hari lamanya, basuh sehari-hari (setiap hari).
- ii. **Bilangan hari; tiga hari, tiga petang:** makan ubat tiga pagi.
- iii. **Bahagian hari; sebelum terbit fajar, sebelum terbang lalat:** minum ubat pagi-pagi belum terbang lalat; jelumkan ubat pagi-pagi belum terbang lalat.
- iv. **Bahagian hari; dinihari; dihinari gajah:** masak nasi tatkala dinihari gajah, mandikan pesakit tatkala dinihari.
- v. **Kedudukan matahari, sepuluh tapak bayang-bayang, lapan puluh tapak bayang-bayang:** masa mengubat yang baik, waktu pagi sepuluh tapak bayang, lima tapak bayang petang.
- vi. **Waktu sembahyang; sebelum subuh, selepas zohor:** mengenakan ubat kepada waktu zohor, pada waktu maghrib.

3.3.7 Pantang Larang

Pantang larang ialah sekatan atau larangan terhadap perbuatan atau amalan yang boleh menjejaskan keberhasilan usaha rawatan atau pengubatan. Melanggar pantang larang boleh memberikan padah atau keburukan yang tidak diingini²⁵¹. Antara pantang larang yang terdapat dalam manuskrip Kitab Ilmu perubatan MS 33 ialah:

²⁵⁰ ibid. 328.

²⁵¹ ibid. 330.

- i. Bab ubat demam kura, maka ambil buah lokam yang masak, maka pucuk makan tiga hari, pantang pagi sebutir afiat. (Folio 46b)
- ii. Bab demam sehari datangnya akan ubatnya minum juga sehari dan makan benda yang masam-masam hingga tiga hari, jangan ia makan makanan yang lain ketika bagi afiat. (Folio 47a)
- iii. Bab ubat sakit leher batuk bertambah balgham, sebab itu memberi parau suara dan baruk akan ubatan jahi dan halia diperbuat dengan air madu dan gula jawa, apabila makan jangan makan asam dan susu afiat. (Folio 65a)
- iv. Bab ubat pitam, ambil minyak sapi secawan, maka masakkan, sudah maka sejukkan suam kuku, maka perahkan kedalam hidung barang bolenya jika habis sekali banyak sudah minum pula minyak sapi juga barang boleh jika tengah haliang sekalipun banyak mujarab syaratnya jangan minum air pada sehari itu, jika sangat dahaga air sehingga kacau sahaja maka minum air muntah habis keluar tiada dapat ditahani afiat. (Folio 141a)

3.4 Ciri-Ciri Umum Penulisan Kitab Ilmu Perubatan Ms 33

3.4.1 Corak Persembahan


Dengan merujuk kepada beberapa bentuk genre penulisan manuskrip perubatan, pengkaji melihat corak persembahannya adalah berbentuk jelas dan terang mengenai ilmu perubatan Melayu. Ini jelas dilihat pada bahagian permulaan manuskrip yang menyenaraikan isi kandungan penyakit-penyakit yang dirawat. Selain itu, terdapat doksologi pada bahagian permulaan dan bahagian penutup manuskrip tersebut.

Selain itu genre penulisan manuskrip perubatan ini tidaklah disusun seperti buku atau risalah perubatan moden kini yang lebih teratur serta sistematik. Kandungannya dilihat bercampur baur dan tiada pemisahan isi antara perihal penyakit, kaedah rawatan dan jenis herba atau tumbuhan yang digunakan. Besar kemungkinan kerana penyampaiannya dilakukan secara lisan dan penulisannya dilakukan pada masa terkemudian mengikut ingatan para *informer*. Corak persembahannya dilihat lebih praktik digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu.

3.4.2 Doksologi Dalam Bahasa Arab

Boleh dikatakan kebanyakan doksologi manuskrip perubatan (Kitab Tib) dimulai dengan lafaz *basmalah* serta kata-kata pujian terhadap Allah, para anbiya' serta para sahabat nabi dan ada kalanya disertai dengan doa. Hal ini dapat menjelaskan sekaligus membuktikan bahawa perubatan Islam serta agama Islam itu sendiri mulai menapak kukuh di alam Melayu. Ini adalah antara catatan yang terdapat di folio pertama dalam manuskrip MS 33:

Gambar 23: Penggunaan Lafaz Basmalah (Folio 1a)




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

“*Bismillahirrahmanirrahim. Inilah makrifat yang menjadi tabib akan mengubati...*”.

Gambar 24:

Pujian terhadap nabi dan para wali serta panduan melaksanakan solat hajat (Folio 1a)



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

Dalam manuskrip ini juga memberi panduan kepada para tabib dalam usaha untuk merawat pesakit, perlulah memohon doa kepada Baginda SAW dan para wali serta kepada Allah SWT dengan cara sembahyang hajat dua rakaat. Catatan dalam manuskrip ini juga memberi panduan cara melaksanakan solat hajat dan bacaan-bacaan surah yang perlu dibaca.

3.4.3 Gaya Bahasa Penulisan Kitab Ilmu Perubatan MS 33

Dalam 150 folio yang disemak untuk kajian ini, sebahagian besar dapat dikatakan menggunakan gaya bahasa yang hampir sama. Pada dasarnya gaya bahasa yang digunakan tergolong pertengahan iaitu tidak purba atau arkaik²⁵². Selain itu, dalam MS 33 juga terdapat penggunaan istilah-istilah lama dan purba yang merujuk kepada bahan, cara sukatan, rujukan waktu dan lain-lain. Disebabkan kitab ini disalin di negeri Kelantan, terdapat beberapa istilah dialek Kelantan digunakan selain dari penggunaan perkataan bahasa Arab.


Di samping itu, penggunaan kata pangkal ayat ataupun dikenali dengan penanda wacana merupakan salah satu ciri penting dalam penulisan teks Melayu tradisional. Menurut Nik Safiah Karim²⁵³ kata pangkal ini berfungsi sebagai tanda baca bagi kesinambungan ayat dalam korpus teks Melayu tradisional. Berdasarkan penelitian kepada teks manuskrip Kitab Ilmu Perubatan MS 33, maka ditemui terdapat penggunaan penanda wacana seperti *fasal ini*, *afiat*, *insyaaAllah*, *bab ubat* dan *bab ini*. *Bab ubat* dan *bab ini* kerap digunakan sebagai permulaan kepada sesuatu penyakit atau rawatan yang baru. Ini kerana, penulisan di dalam manuskrip tidak mempunyai tanda baca seperti titik (.) mahupun koma (,). Diberikan beberapa contoh di bawah ini:

²⁵² Maksudnya: Kuno, sudah ketinggalan zaman, sudah tidak lazim dipakai lagi. Rujuk Kamus Dewan Edisi Keempat dilayari <http://prprm.dbp.gov.my/cari1keyword>.

²⁵³ Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2014. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

i. Bagi permulaan bab:


Gambar 25: Penggunaan Kata 'Fasal'



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Fasal 25 ubat demam panas di luar dan di dalam dan pada dahinya dan tubuhnya, maka ambil gelang sembur dara dan setawar dan pucuk lenjong dan pucuk birah dan adas manis dan bunga pulasari dan putik bemban dan bawang putih dan bawang merah dan mesui dan pinang muda yang belum bertemu hati, maka pipis lumat-lumat, maka minum dan setengah jelamkan pada tubuhnya afiat.' (Folio 38b)

Gambar 26: Penggunaan Kata 'Bab Ubat'




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Bab ubat kepialu jangan jatuh keperut, ambil akar lakum, bawang merah dan lada sedikit, asah minum daunnya jeramkan afiat.' (Folio 37a)

- ii. Untuk menyatakan penyakit dan ubat, digunakan kata kerja iaitu 'maka ambil', contohnya:

Gambar 27: Penggunaan kata kerja 'maka ambil'




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Bab ubat demam tiada kebah, maka ambil daun beringin dikait dengan serampang dan daun benang setokol dan mata kunyit hujung melukut, maka ramas embungkan pagi-pagi mandikan pada orang sakit itu aflat.' (Folio 39a)

- iii. Penggunaan dialek Kelantan, contohnya:

Gambar 28: Penggunaan dialek Kelantan 'nyor'




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Bab ubat medu yang bertahun-tahun, ambil nyor²⁵⁴ hijau yang luruh di kerat tupai, maka bakar ambil abunya berat setahil, kapur tohor hancurkan dengan air nyor itu maka minum aflat.' (Folio 147a)

²⁵⁴ Nyor ialah nama pokok palma, buahnya bersabut dan bertempurung dan isinya boleh dimakan; kelapa, *Cocos Nucifera*. Rujuk Kamus pelajar Edisi Kedua. <http://prpm.dbp.gov.my>.

iv. Penggunaan Bahasa Arab, contohnya:

Gambar 29: Penggunaan Bahasa Arab 'Insyallah' dan 'afiat'




Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Bab ubat sakit kepala itu panas, maka bubuh perkara yang sejuk jika sejuk bubuh perkara yang panas insyaallah afiat'. (Folio 81a)

v. Penggunaan doa dan mantera dalam mengubati penyakit, contohnya:

Gambar 30: Penggunaan doa dan mantera



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

'Bab ini ubat demam kepialu maka dibaca pada air pinang sesudah itu maka dicelakkan dengan batang birah hitam maka dikesatkan pada habis yang merah dibakar pada api maka dibelangkan pada segala sendi orang sakit itu lah doanya [rujuk keratan manuskrip di atas].' (Folio 30b)

3.4.4 Penggunaan Kata

i. Kata Penarik (Catch Word)²⁵⁵

Di dalam manuskrip ini, terdapat sebanyak 21 pengulangan perkataan di muka surat yang berbeza. Pengulangan perkataan tersebut tidak sekata di setiap muka surat, ia di selang selikan pada verso setiap folio sahaja. Antara pengulangan perkataan tersebut telah dicatatkan sebagaimana Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Pengulangan Perkataan

1.	Bab ini	12.	Dengan
2.	Bab ubat	13.	Segala
3.	Atau	14.	Fasal ubat
4.	Dan	15.	Ambil
5.	Jika	16.	Afiat
6.	Nescaya	17.	Semuanya
7.	Ini yang disuratnya	18.	Yang
8.	Insyallah	19.	Tatkala
9.	Maka	20.	Jaramkan
10.	Hari	21.	Akan ubatnya
11.	Itu		

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

²⁵⁵ Dimaksudkan dengan kata kunci yang diletakkan di kaki halaman tulisan tangan atau dicetak untuk terikat bersama dengan halaman lain dalam buku. Ia dikira perkataan pertama halaman berikutnya. Rujuk Oxford Dictionary diakses melalui www.lexico.com.

ii. Penyerapan Kosa Kata Arab

Pengkaji menemui beberapa perkataan bahasa Arab yang digunakan dalam teks manuskrip MS 33, antaranya seperti tercatat dalam Jadual 5 ialah:

Jadual 5: Penyerapan Kosa Kata Arab

Bil	Perkataan	Makna
1	‘Āfiyāt ²⁵⁶	Sihat; segar, cergas
2	Insya-Allah	Jika Allah menghendaki
3	Taala ²⁵⁷	Maha Tinggi, Maha Mulia
4	Allah ²⁵⁸	Tuhan Yang Esa
5	Bismillah ²⁵⁹	Dengan nama Allah
6	Allahu akhbar	Tuhan Maha Besar
7	Wallahua’lam	Allahlah yang Maha Mengetahui
8	Sallallahu Alaihi Wasallam ²⁶⁰	Sejahteralah ke atas Baginda SAW
9	Sya’kar ²⁶¹	Gula
10	Dirham ²⁶²	Mata wang emas atau perak yang digunakan di Maghribi

²⁵⁶ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁵⁷ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁵⁸ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁵⁹ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁰ Pusat Rujukan Persuratan Melayu@DBP, Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶¹ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶² Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

11	Isim ²⁶³	Nama
12	Isti'mal ²⁶⁴	Penggunaan, pemakaian
13	Makrifat ²⁶⁵	Pengetahuan yang tinggi atau sempurna
14	Basyar	Gambaran manusia secara fizikal
15	Fasal ²⁶⁶	Bahagian daripada bab, perkara, tajuk, mengenai
16	Doa	

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

iii. Pengaruh Bahasa Lisan atau Dialek Tempatan

Pengaruh bahasa lisan atau loghat tempatan yang terdapat dalam Kitab Ilmu perubatan MS 33 ini dilihat sebagai satu unsur jati diri Melayu kerana bahasa lisan adalah bahasa sebenar bagi penutur sesuatu bahasa. Berdasarkan teks yang telah ditransliterasikan, pengkaji melihat ada penggunaan dialek Kelantan, antaranya boleh lihat Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Pengaruh Bahasa Lisan atau Dialek Tempatan

Bil	Perkataan	Makna	Folio
1	Senak	Sesak dalam perut, berasa sesak dada	32b,38b, 141a
2	Nyor	Kelapa, <i>Cocos Nucifer</i>	31a,32b,37a

²⁶³ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁵ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁶ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

3	Meredak	Kelebihan makanan, butir-butir kecil ²⁶⁷	38
4	Kukur	Bergerigi ²⁶⁸	74,77,78

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

iv. Penggunaan Kata Arkaik²⁶⁹

Dalam Kitab Ilmu perubatan MS 33 ini, terdapat juga penggunaan kata arkaik. Penggunaan kata arkaik ini tidak digunakan lagi secara meluas pada masa kini walaupun masih wujud dalam bahasa Melayu. Manakala menurut Asmah Haji Omar pula, keusangan kata boleh dilihat dari tiga aspek, iaitu fonologi, keanggotaan golongan atau fungsi dan makna²⁷⁰. Contoh penggunaannya adalah seperti berikut:

Jadual 7: Penggunaan Kata Arkaik

Bil	Perkataan	Makna	Folio
1	Surih	Penyurihan isyarat yang memenuhi syarat tertentu ²⁷¹	31a,35a,41a
2	Raban	Bahasa yang tidak keruan ²⁷²	41a
3	Bawang kedua	Bawang putih dan bawang merah	50b,55a,64b
4	Jintan kedua	Jintan putih dan jintan hitam	38b,55a,70b

²⁶⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁸ Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁶⁹ Arkaik ialah 1. Kuno; 2. Sudah tidak lazim dipakai lagi. Kamus Dewan Edisi Keempat. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 19 Mac 2022.

²⁷⁰ Asmah Haji Omar (2008), Ensiklopedia Bahasa Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁷¹ Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Rujuk <http://prpmv1.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁷² Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Rujuk <http://prpmv1.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

5	Tahil	Ukuran berat yang bersamaan dengan 37.8 gram ²⁷³	42b, 43a, 53a
6	Kupang	Mata wang zaman dahulu yang nialinya berbeza-beza mengikut daerah ²⁷⁴	65a, 71a, 93a
7	Pipis	Cara membuat ubat, dihaluskan, dilumatkan ²⁷⁵	30b, 34b, 35a
8	Pengapit	Kaedah sukatan atau ukuran untuk herba, daun dan akar. ²⁷⁶	34b, 61a, 72b
9	Air bermalam	Air biasa yang disimpan semalaman, ertinya bukan yang baharu diambil dari sungai atau perigi. ²⁷⁷	75a, 77a, 78b
10	Artal	Bedak basah yang berwarna kuning dan berbau harum dicampur dengan lain-lain bahan, misalnya untuk tawar bisa. ²⁷⁸	102b

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

²⁷³ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁷⁴ Kamus Pelajar Edisi Kedua. Rujuk <http://prpm.dbp.gov.my>. Diakses pada 16 Februari 2020

²⁷⁵ Harun Mat Piah. 2006. *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. 336.

²⁷⁶ ibid. 326.


²⁷⁷ ibid. 315.

²⁷⁸ ibid. 315.

3.4.4 Ilustrasi: Gambar dan Lakaran


Dalam manuskrip MS 33 ini terdapat beberapa rajah dan lakaran yang digunakan untuk tangkal dan azimat, dari ayat-ayat al-Quran, abjad dan angka Arab, perkataan dalam bahasa Arab atau perkataan lain yang tidak dapat dipastikan maknanya. Antara contoh seperti di bawah:

Gambar 31: Rajah Untuk Tanggalkan Kura



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33 Folio 48b

Gambar 32: Rajah Untuk Tanggalkan Kura



Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33 Folio 48b

Gambar 33: Rajah Untuk Jimak Kemasukkan Syaitan

باب محمد رسول الله				
٦٤	٥٤	٢٤	٨٤	١٥٤
٨٤	٨٤	٧٤	٨٢	١٢
٤٥	٤٤		٨٤	١٥٥
٢٥	٤٤	٩٢	٩٤	٢٨
٨٥	٤٨	٨٨	٨	٣٤

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33 Folio 116b

3.5 Analisa Sistem Ejaan Jawi Ms 33 (Jawi Lama Dan Jawi Moden)

Kitab Ilmu Perubatan MS 33 ini menggunakan Jawi lama. Penggunaannya kadangkala dilihat tidak selaras dan agak mengelirukan. Ini dapat disimpulkan seperti di bawah:

- Tiada sebarang tanda bacaan yang sepatutnya seperti noktah, koma, kurungan, tanda soal, tanda seru, dan juga tiada sistem pembahagian bab dan perenggan.
- Kadang-kala penulisan jawi lama membuatkan pembaca salah tafsir erti perkataan. Contohnya perkataan jawi yang telah dialihkan kepada jawi moden adalah seperti berikut:

Jadual 8: Perkataan Jawi Yang Telah Dialihkan Kepada Jawi Moden

Bil	Jawi lama	Jawi Moden	Folio
1	دمكين (demikian)	دمكيان	31a,35a, 53a
2	برمول (bermula)	برمولا	34b,52b,54b
3	سكل (segala)	سكالا	30b,32b,34b
4	مريكيت (mereka itu)	مريك ايت	54b,61a
5	اور غيغ (orang yang)	اورغ يغ	41a, 70b, 83a
6	اغكو (engkau)	اغكاو	48b, 83a, 111a
7	كولي (gulai)	كولاي	145a
8	وله (oleh)	اوليه	78b, 107a, 115a
9	بهواسن (bahawasanya)	بهواسن	44b
10	تيغ (tiap)	تياغ	51a,52b, 61a
11	مغتهوي (mengetahui)	مغتاھوي	148b
12	سمفي (sampai)	سمفاي	33a, 39a, 42b
13	تاهن (tahun)	تاهون	147a
14	علامت (alamat)	علامات	144b
15	بغترسبوت (yang tersebut)	بغ ترسبوت	53a
16	كواس (kuasa)	كواسا	83a, 145a
17	قلبيھاتن (penglihatan)	قلبيھاتن	78b, 84b
18	دنامكان (dinamakan)	دنامكان	148b

19	ملينكان (melainkan)	ملاءينكن	43a, 61a, 106b
20	وقت (waktu)	وقتو	66b, 112b, 141a
21	كلغغ (Gelenggang)	كلغغ	32b, 42b, 51a
22	فانو (Panau)	فانو	102b
23	اير (Air)	اير	101a, 102b, 103a
24	ليمو نيفس (Limau nipis)	ليمو نيفيس	24b, 44b, 46b
25	بوبه (Bubuh)	بوبوه	46b, 51a, 52b

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

- iii. Vokal ا و ي yang tidak digunakan sama ada di bahagian tengah atau hujung perkataan.

Vokal ا

Jadual 9: Vokal ا

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Limau nipis	ليمو نيفيس
2	Dua	دو
3	Bahawa	بهو
4	Kuasa	كواس
5	Bermula	برمول

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

Vokal و

Jadual 10: Vokal و

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Bubuh	بويه
3	Sembuh	سميه
4	Tujuh	توجه

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

Vokal ي

Jadual 11: Vokal ي

Bil	Perkataan	Ejaan
1	Hati	هات
2	Seperti	سفرة
3	Kulit	كولة
4	Kambing	كمبغ

Sumber: Kitab Ilmu Perubatan MS 33

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan konsep dan kandungan Kitab Ilmu Perubatan MS 33 melalui kaedah analisis teks. Bab ini diharapkan dapat dirujuk dan dijadikan bahan kajian bagi pengkaji perubatan tradisional dan ahli-ahli sains perubatan moden yang ingin mengkaji bidang ini dalam konteks ilmu perubatan moden. Bahagian ini penting untuk difahami kerana ianya dasar dalam memahami kandungan sebuah Kitab Tib. Bab seterusnya berkaitan dengan transliterasi teks terpilih berkaitan keluarga Zingiberaceae daripada folio 30b sehingga folio 150b dan dalam bahagian analisis, penulis akan membincangkan mengenai penggunaan tumbuhan keluarga Zingiberaceae dalam merawat penyakit, mengenali tanda-tanda penyakit pada pesakit, cara mendiagnosis penyakit dan sukatan ubatan yang digunakan.